

NO. SOALAN: 63

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 18.5.2016 (RABU)

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah dasar dan pendekatan baru Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi memperkuatkan ekonomi akar umbi pada zaman kemelesetan ekonomi sekarang dan apakah langkah galakan bagi rakyat untuk menubuhkan koperasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha memperkuatkan ekonomi akar umbi pada zaman kemelesetan ekonomi sekarang, Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperkenalkan pendekatan baharu yang berlandaskan kepada dorongan komuniti (*community-driven*) melalui lima program pembangunan iaitu:

- (i) program *Co-operative Strategic Linkages* dalam sektor pemborongan dan peruncitan bagi menguasai rantaian nilai dan rantaian bekalan;
- (ii) program pewujudan ekonomi setempat melalui *Co-operative Satellite Centre* bagi memudahkan akses kepada keperluan harian rakyat;
- (iii) program *Business Economies of Scale* bagi menjalankan perniagaan dalam skala ekonomi besar melalui penggabungan aktiviti atau penggabungan sumber;
- (iv) program pembangunan keusahawanan melalui NBOS; dan
- (v) program pembangunan modal insan bagi meningkatkan profesionalisme dan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

SKM juga sedang menjalankan semakan semula Akta Koperasi 1993 secara holistik bagi memperkuuh dan memperkemaskan perundangan koperasi sedia ada seiring dengan perkembangan ekonomi negara dalam melonjakkan kemajuan koperasi. Perjalanan koperasi akan dipermudahkan melalui pindaan Akta Koperasi 1993 supaya koperasi-koperasi dapat berkembang dengan cepat berpandukan perundangan yang lebih kondusif mengikut *tier*.

Selain itu, SKM telah mengambil inisiatif membangunkan sistem aplikasi *online* permohonan penubuhan koperasi pada tahun 2011. Aplikasi ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat mengemukakan permohonan penubuhan koperasi secara atas talian. Pelbagai program promosi dan kesedaran berkoperasi seperti Jom Jelajah Koperasi, program penubuhan koperasi komuniti termasuk koperasi belia dan koperasi kariah masjid akan diperluaskan yang seterusnya dapat meningkatkan penyertaan masyarakat dalam koperasi.